SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 3 Bab 1 Kedatangan Kuasa Barat + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 1 : KEDATANGAN KUASA BARAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur tangan Kuasa Barat	**SK : 7.1** Kedatangan Kuasa Barat	**SP:** 7.1.2,.7.1.3 & K7.1.6

1. Kemakmuran dan kestabilan negara kita telah menarik kedatangan pelbagai kuasa Barat. Mereka bersaing dan menggunakan pelbagai strategi untuk mendapatkan tanah jajahan. *(ms.2)*

   (a) Huraikan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat di negara kita pada abad ke-20? (6 markah)

   (b) Jelaskan strategi Belanda untuk menguasai negara kita? (6 markah)

   (c) Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara. (8 markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK : 7.1** Kedatangan Kuasa Barat	**SP:** 7.1.1 & K7.1.6

2. Negara kita mempunyai sistem pemerintahan yang stabil hasil kebijaksanaan pemerintah. *(ms.4)*

   (a) Jelaskan peranan pemerintah berikut?
   i. Sultan (3 markah)
   ii. Penghulu (3 markah)

   (b) Huraikan sistem perundangan negara kita. (6 markah)

   (c) Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara kita? (8 markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Campur tangan Kuasa Barat di negara kita	**SK :** Kedatangan Kuasa Barat	**SP:** 7.1.1, & K7.1.5

3. Kemakmuran negara datangnya daripada sumber hasil bumi dan hasil alam yang dimanfaatkan untuk memajukan ekonomi. Selain itu masyarakat bijak mengeksploitasi sumber alam semula jadi untuk memajukan ekonomi dan memakmurkan kehidupan.*(ms,4-7)*

   (a) Jelaskan hasil bumi dan hasil alam yang terdapat di negara kita? (6 markah)

   (b) Bincangkan bagaimana masyarakat melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan? (6 markah)

   (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan memanfaatkan sumber kekayaan negara. (8 markah)

12. Kuasa Barat cuba mendapat tanah jajahan menjelang abad ke-19 dan ke-20.
Pilih pasangan yang tepat.

	Kuasa	Kawasan Alam Melayu
A	Jerman	Pulau Langkawi
B	Portugis	Terengganu
C	Amerika Syarikat	Timor Leste
D	Sepanyol	Kepulauan Hindia Timur

13. Mengapakah kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba meluaskan kuasa ke Alam Melayu?

A Memajukan pentadbiran

B Membangunkan prasarana

C Meningkatkan taraf hidup

D Kepentingan ekonomi

14. Apakah strategi yang digunakan oleh Francis Light untuk mendapatkan Pulau Pinang?

A Pakatan

B Pajakan

C Tipu helah

D Ugutan

15. Berikut ialah strategi yang digunakan oleh Belanda untuk meluaskan kuasa di negara kita KECUALI

A Serangan fizikal

B Pakatan

C Perjanjian

D Pajakan

16. Pernyataan berikut berkaitan dengan strategi yang digunakan oleh kuasa British untuk meluaskan kuasa di negara kita.

Strategi X	Tindakan mengatur sesuatu dengan cara bijaksana, mengambil kesempatan atas sesuatu perkara, sehingga dapat mencapai tujuan yang dikehendaki

Apakah strategi X ?

A Tipu helah

B Pakatan

C Perjanjian

D Manipulasi

17. British mengambil kesempatan dalam peristiwa tentang isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau untuk menguasai Singapura.

Apakah strategi yang digunakan oleh British ?

A Manipulasi

B Pajakan

C Perjanjian

D Serangan fizikal

18. Sebagai generasi muda patriotik, apakah nilai yang perlu diamalkan pada masa kini?

A Berdikari dalam pelbagai bidang

B Semangat patriotisme berasakan kaum

C Mengamalkan nilai-nilai individualisme

D Bekerja keras dan berusaha untuk mengharumkan negara

19. Maklumat di bawah berkaitan dengan kuasa British menggunakan strategi ugutan atau desakan untuk menguasai negara kita

Strategi	Peristiwa
Ugutan atau Desakan	• Sultan Pahang menerima Residen • Sultan Selangor menerima Residen • X

Apakah peristiwa X ?

A British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah

B James Brooke diiktiraf sebagai Raja Sarawak yang merdeka

C British menyerang Naning pada tahun 1832

D British mendapatkan Singapura

20. Bagaimanakah cara kita dapat mempertahankan kedaulatan negara kita daripada ancaman kuasa asing ?

A Meningkatkan populasi penduduk

B Memutuskan hubungan diplomatik dengan kuasa asing

C Memulau barangan yang dihasilkan oleh kuasa asing

D Melahirkan generasi muda yang bersemangat patriotisme

TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK : 7** Campurtangan Dan Penjajahan Kuasa Barat	**SK :** 7.1 – Kedatangan Kuasa Barat	**SP: 7.1.2** Menghuraikan faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita

3 Slogan berikut berkait rapat dengan kedatangan kuasa barat di negara kita.

Beban Orang Putih

(Buku teks m.s 15)

(a) Jelaskan maksud slogan 'Beban Orang Putih' yang digunakan oleh kuasa Barat terutama British.

……

……

……..

(3 markah)

(b) Nyatakan tiga buah negara Barat yang bersaing untuk meluaskan kuasa di Asia Tenggara.

i. ……..

ii. ……..

iii. ……..

(3 markah)

(*c*) Sekiranya anda pemimpin tempatan, apakah usaha anda untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada diceroboh oleh kuasa asing?

…….....

……..

……..

……..

……..

(4 markah)

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
3 (a)	Jelaskan maksud slogan 'Beban Orang Putih' yang digunakan oleh kuasa Barat terutama British.	
	F1 'Beban Orang Putih' bermaksud tanggungjawab mereka untuk membantu dan memberikan kesejahteraan kepada peribumi di wilayah yang dijajah oleh mereka	**1**
	F2 Mereka berhujah bahawa peradaban mereka lebih tinggi berbanding dengan kebudayaan penduduk yang dijajah oleh mereka	**1**
	F3 Kuasa Barat berhasrat untuk menyevarkan pengaruh dan tamadun mereka ke seberang laut	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
3 (b)	Nyatakan beberapa buah negara Barat yang bersaing untuk meluaskan kuasa di Asia Tenggara.	
	F1 Jerman	**1**
	F2 British	**1**
	F3 Perancis	**1**
	F4 Sepanyol	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
3 (c)	Sekiranya anda pemimpin tempatan, apakah usaha anda untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada diceroboh oleh kuasa asing?	
	F1 Mempelajari ilmu tentang selok-belok pentadbiran moden Barat	**1**
	F2 Memodenkan sistem pertahanan tempatan terutama persenjataan	**1**
	F3 Mengekalkan kestabilan politik negeri dengan mengelakkan perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin	**1**
	F4 Menyelesaikan masalah politik dalam kalangan pemimpin dengan segera supaya kuasa asing tidak berpeluang untuk campur tangan	**1**
	F5 Menggubal undang-undang tubuh kerajaan bagi setiap negeri untuk mengelakkan kuasa asing mencadangkan undang-undang mereka yang dianggap moden	**1**
	(Mana-mana munasabah)	
	Maks	**(4 Markah)**
	Jumlah	**10 Markah**

PANDUAN PENSKORAN - BAB 1 : KEDATANGAN KUASA BARAT

No. Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	**Huraikan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat di negara kita pada abad ke-20?** F1. Perkembangan revolusi industri kereta api Eropah F2. Kekayaan bahan hasil bumi di tanah Melayu F3. kesuburan tanah F4. Industri mengetin makanan, minuman dan membuat bumbung rumah dan tong minyak F5 Pembukaan Terusan Suez F6. Penciptaan kapal wap F7. Persaingan kuasa Barat F8. Slogan "Beban Orang Putih" ***(mana-mana 6x1)***	***(6 markah)***
1(b)	**Jelaskan strategi Belanda untuk menguasai negara kita?** Belanda F1. Serangan Fizikal H1 Portugis dan Belanda menyerang secara fizikal C1. Belanda berperang dengan penduduk Pulau Pangkor, Johor dan Selangor F2. Mengadakan perjanjian H2 Perjanjian dengan Perak , Selangor untuk dapatkan bijih timah F3. Mengadakan pakatan H3. Pakatan dengan Johor untuk kalahkan Portugis di Melaka F4. Perjanjian dengan Inggeris H4. Perjanjian Inggeris-Belanda dimeterai ***(mana-mana 6x1)***	***(6 markah)***
1(c)	**Huraikan kepentingan bekerjasama dalam menjamin kemakmuran negara.** F1. Melahirkan semangat perpaduan H1. Saling bantu membantu C1. Gotong royong F2. mengelakkan pertelingkahan H2. Mewujudkan persefahaman F3. Semangat toleransi dan bantu membantu H3. Menjamin kestabilan sesebuah negara. F4.Menjamin kecekapan serta kelicinan pemerintahan kerajaan. F5. Mewujudkan hak asasi dan kebebasan rakyat. F6.Memelihara pelbagai kaum. F7.Menjamin kerjasama kesepakatan dan keadilan H7. demi kepentingan negara. ***(mana-mana jawapan yang munasabah)***	***(8 markah)***

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar